

Raikan hidup sihat bersama Beckham

KEHADIRAN ikon bola sepak dan gaya hidup dari England, David Beckham di Kuala Lumpur sempena siri lawatan *AIA Healthy Living Tour* baru-baru ini, sememangnya membuatkan ramai yang teruja.

Lawatan tersebut, yang merangkumi persinggahan di Hong Kong, Korea Selatan dan Singapura, diadakan sempena perasmian kempen *What's Your Why?*, kempen utama AIA di rantau Asia-Pasifik yang menyaksikan kerjasama antara Beckham dan syarikat insurans tersebut untuk membantu orang ramai hidup lebih lama, lebih sihat dan lebih baik.

Beckham juga merupakan duta kempen, yang menampilkan sebuah video diarah dan difilemkan oleh pemenang Anugerah Akademi, Wally Pfister, di Bangkok.

Video tersebut memaparkan kisah-kisah peribadi individu serta mengapa mereka dan Beckham mempunyai motivasi untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat.

Ketua Pegawai Eksekutif AIA Bhd, **T. Anusha** berkata,



DAVID BECKHAM mengambil kesempatan beramah-mesra dengan kanak-kanak penerima manfaat *AIA Touching Lives* pada lawatannya ke Kuala Lumpur sempena *AIA Healthy Living Tour* baru-baru ini.

Beckham ialah seorang yang dihormati dan dikagumi serata dunia.

Justeru, pihaknya berbangga kerana dapat bekerjasama dengannya untuk memberi inspirasi dalam mengamalkan gaya hidup sihat kepada orang ramai di rantau Asia-Pasifik, termasuk di Malaysia.

"Kempen ini memaparkan pelbagai sebab mengapa orang

ramai ingin mengamalkan gaya hidup yang sihat. Ini adalah pesanan yang tepat pada waktunya memandangkan jumlah penyakit berkaitan dengan gaya hidup semakin meningkat.

"Kami berharap agar rakyat Malaysia juga akan mendapat ilham daripada pesanan ini dan seterusnya mula mengambil langkah mengamalkan gaya hidup sihat," kata Anusha.

Sementara itu, sempena lawatan Beckham pelbagai acara dan aktiviti yang memberi tumpuan kepada kesihatan turut diadakan.

Bintang bola sepak itu turut meluangkan masa untuk bertemu dan beramah-mesra dengan kanak-kanak penerima manfaat *AIA Touching Lives*, iaitu program tanggungjawab sosial korporat (CSR) AIA.